

Kakitangan kerajaan perlu lebih cekap urus ekohomi — PM

KUALA LUMPUR 22 Ogos — Kakitangan kerajaan perlu lebih cekap dalam pengurusan bagi menjamin Malaysia mampu bersaing dengan negara-negara lain dalam perkembangan ekonomi antarabangsa, kata Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, kecekapan pengurusan merupakan faktor paling penting dalam persaingan antarabangsa.

Pengurusan bukan sahaja melibatkan organisasi swasta, tetapi lebih penting lagi ialah pengurusan dalam kerajaan, katanya ketika merasmikan perayaan 55 tahun perkhidmatan awam di sini yang berkesan hari ini.

Beliau berkata, di zaman sekarang, wujud persaingan hebat dalam bidang ekonomi antarabangsa dan un-

tuk memastikan negara tidak ketinggalan, kekuatan ekonomi negara perlu ditingkatkan.

Kesempatan itu elok digunakan untuk menoleh ke belakang bagi melihat kelemahan-kelemahan yang boleh diperbaiki dan membuat persediaan untuk menghadapi cabaran semasa serta cabaran akan datang, tambah beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, dalam menghadapi cabaran-cabaran di zaman persaingan ini, ketua-ketua di dalam perkhidmatan awam perlu mempunyai pandangan jauh dan dapat merancang strategi yang berkesan.

Pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan awam juga harus berorientasikan tindakan (*action-oriented*) kerana zaman kita menan-

ti peluang telah berla-lu, tegas beliau.

Beliau menambah kejayaan dan prestasi perkhidmatan awam tidak lagi boleh diukur berasaskan kepada bilangan kakitangan, peruntukan serta projek tetapi yang penting ialah kejayaan melaksanakannya.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi hasrat kerajaan supaya semua kakitangan awam dan swasta memperolehi pendapatan yang lebih.

Katanya, kenaikan pendapatan para pekerja, akan memajukan aktiviti jual-beli dan seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Bagaimanapun, kata beliau, jika tuntutan kenaikan gaji dibuat tetapi produktiviti ti-

dak ditingkatkan, pekerja akan menderita kerana pemasaran barang-barang merosot dan pengangguran akan meningkat.

Schubungan itu, beliau berharap, kakitangan kerajaan memahami bahawa dasar-penswastaan kerajaan adalah untuk kebaikan semua pihak dan sama-sama menjayakannya.

Walaupun kerajaan perlu menentukan kekayaan negara diagih secara adil, tetapi kerajaan perlu terlebih dahulu menentukan kedudukan hasil dan kewangan, jelas beliau.